

PASUKAN keselamatan dan suspek dibawa untuk pemeriksaan di sebuah gudang sekitar Lembah Klang.

RM8 juta rugi dek 'kautim'

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seludup ratusan ribu rokok elektronik dan vape ke negara ini tanpa perbelanjaan melalui mesin pengimbas di Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Itu dilakukan sindiket lari cukai vape mengaut keuntungan menyebabkan negara kehilangan hasil kutipan cukai RM8 juta selepas disyaki 'kautim' dengan anggota penguat kuasa di pusat kargo untuk melepaskan konsinmen.

Modus Operandi itu berjayanya dihidu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas menahan dua lori yang keluar dari pusat pemeriksaan kargo KLIA kelmarin.

Susulan itu, enam pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan lapan individu termasuk enam pengaruh syarikat ditahan.

Hasil siasatan awal yang dijalankan membawa kepada serbuan di sebuah gudang di Jalan Kuchai Lama

Kegiatan seludup ratusan ribu rokok elektrik, vape tanpa lalui mesin pengimbas di Pusat Kargo KLIA



SERBUAN secara besar-besaran dilakukan di dua gudang penyimpanan syarikat terbabit.

di sini, semalam menerusi Op Airways hasil intipan Bahagian Perisikan SPRM selama tiga bulan.

Wartawan Harian Metro mengikut operasi dijalankan SPRM itu mendapati, ratusan ribu rokok elektronik dan vape disimpan di dalam gudang berkenaan.

Menurut sumber, serbuan secara besar-besaran

menemui 90,000 unit vape yang dianggarkan cukai bernilai RM5.4 juta yang tidak dibayar pada JKDM.

"Di sebuah gudang lagi, SPRM turut menemui beratus ribu unit vape yang melibatkan jutaan ringgit yang tidak dibayar cukai pada JKDM.

"Setakat ini, hasil serbuan mendapati negara kehilangan

ngan hasil kutipan cukai kira-kira RM8 juta, di mana kandungannya juga dikhuatiri membahayakan kesihatan pengguna," katanya.

Sumber berkata, hasil intipan yang dijalankan semula vape yang diseludup langsung tidak diikrarkan dan tiada sebarang dokumen dicatatkan.

"Ini menyerupai modus operandi kontena terbang dan pegawai-pegawai penguat kuasa yang bertugas didapati menerima ribuan ringgit bagi setiap kontena tanpa melalui mesin imbasan atau sebarang pemeriksaan," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009.

Sementara itu, seramai 13 individu ditahan dipercayai terbabit dalam sindiket lari cukai vape itu terdiri daripada enam pegawai kastam dan enam individu termasuk empat pengaruh direman selama empat hari manakala seorang lagi direman selama lima hari.